



***WATAK DAN PERWATAKAN UTAMA DALAM CERITA JENAKA MELAYU***

***MUHAMMAD SAFUAN BIN ISMAIL***

**FBMK 2015 11**



**WATAK DAN PERWATAKAN UTAMA DALAM CERITA JENAKA MELAYU**

**Oleh**

**MUHAMMAD SAFUAN BIN ISMAIL**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk  
Ijazah Master Sastera**

**Februari 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Buat almarhum ayahanda  
Terima kasih di atas segala pengorbanan  
Walaupun engkau telah tiada  
tetapi ingatanku padamu tetap selalu berada difikiran  
akan ku kirim doa disetiap sujud ku  
sebagai tanda kasih ku padamu

Buat bonda yang ku kasih dan kusanjungi  
Akan ku kenang jasamu membesarkanku  
Segala titik susumu itu  
Tidak akan ku Persia-siakan  
Untuk menjadi manusia berguna  
di dunia dan akhirat  
terima kasih bonda  
kerana membesarkan ku dengan kasih sayangmu

Buat saudara kandungku  
Terima kasih di atas dorongan kalian  
Untuk aku menghadapi dunia  
yang penuh dengan duri dan liku ini  
segala suka duka kita bersama biarlah menjadi  
rahasia kita

Buat sahabat-sahabatku sekalian  
jasa dan pertolongan kalian  
tidak akan aku lupakan  
semoga kalian semua dimurahkan rezeki  
dan sihat sejahtera selalu hendaknya

Amin.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **WATAK DAN PERWATAKAN UTAMA DALAM CERITA JENAKA MELAYU**

Oleh

**MUHAMMAD SAFUAN BIN ISMAIL**

**Februari 2015**

**Pengerusi: Roslina Bt Abu Bakar, PhD**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Cerita jenaka Melayu merupakan salah satu cabang sastera rakyat yang mengandungi watak dan perwatakan lucu sehingga mencuit hati pendengarnya. Sarjana barat iaitu Winstedt telah menyatakan bahawa cerita jenaka Melayu mempunyai lima watak iaitu watak Pak Pandir, watak Pak Kaduk, watak Pak Belalang, watak Si Luncai dan watak Lebai Malang yang berperwatakan bodoh, bodoh sial dan juga pintar. Perwatakan yang digambarkan oleh sarjana barat ini bersifat negative. Namun jelas digambarkan oleh penglipurlara bahawa watak-watak ini mempunyai perwatakan yang murni. Sehubungan dengan itu, Pandangan yang bersifat negatif ini hanya melihat pada satu lapis makna sahaja iaitu bodoh dan sial. Sorotan kajian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa wujudnya tiga pandangan yang berbeza seperti jenis watak, watak dan perwatakan, serta pandangan masyarakat terhadap watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu. Pengkaji-pengkaji lepas turut terikut dengan pandangan Winstedt tersebut tanpa mengkaji dengan lebih mendalam alasan watak utama itu melakukan sesuatu tindakan sehingga memperlihatkan kebodohan diri sendiri. Oleh itu, wujudnya kekosongan ruang yang telah diperkemas oleh pengkaji untuk melihat watak dan perwatakan yang bersifat positif. Kajian ini mempunyai dua objektif kajian yang telah dikenalpasti iaitu memperlihatkan watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu dan menganalisis watak dan perwatakan yang bersifat positif menerusi cerita jenaka Melayu. Dalam mencapai objektif kajian, kaedah kepustakaan dan analisis bahan menerusi hasil rakaman telah digunakan untuk menerapkan pendekatan psikologi humanistik. Hasil kajian menunjukkan bahawa watak-watak yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu tradisional memiliki perwatakan yang bersifat positif, walaupun sebelumnya digambarkan sebagai watak dan perwatakan yang bersifat negatif. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat watak dan perwatakan yang bersifat positif seperti watak dan perwatakan yang ringan tulang dan pandai, watak dan perwatakan yang menurut perintah dan bijaksana, watak dan perwatakan yang berani dan pintar, watak dan perwatakan yang mempertahankan hak dan

bijaksana, watak dan perwatakan yang menepati janji dan cerdas, watak dan perwatakan yang berdikari dan cerdik, watak dan perwatakan yang tidak tamak dan cerdas serta watak dan perwatakan yang jujur dan cerdas. Maka, kajian ini seharusnya dapat mengubah pandangan masyarakat terhadap cerita jenaka Melayu yang bersifat negatif kepada watak dan perwatakan yang bersifat positif.



Abstract of thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Master of Arts

## **THE MAIN CHARACTERS AND CHARACTERISTIC IN MALAY COMEDY**

By

**MUHAMMAD SAFUAN BIN ISMAIL**

**February 2015**

**Chairman: Roslina Bt Abu Bakar, PhD**  
**Faculty: Modern Language and Communication**

Malay tales of humour is one branch of folk literature containing funny characters amusement on his audience. Western scholars found that Winstedt has stated that the Malay tales of humour has five characters namely Pak Pandir character, Pak Kaduk character, Pak Belalang character, Si Luncai character and Lebai Malang character. There are stupid, stupid damn and also the smart thing seen in nature negative. At this point we only look at the single layer of the character which is dumb and unluckly. According to the researcher there is three different point of view which consist to the types of character, character, and the acting from the society towards to the Malay tales humours. The researcher follow the point of view from Winstedt without further studies the reason main character thru the Malay tales humours which is doing something stupid to itself. Because of that, the existent empty space streamlined toward this research to the positive point of view for the character and actor. There is two objective of the research had been indentified which is the view of the character and the acting thru the Malay tales humours and to analysis the character and acting in the positive manner thru Malay tales humours. In order to achieve the objective of the research, references and data collection from the recording which is use in summarize analysis to humanity psychology. From the research showing that character consist in the malay traditional comedy had the positive perception character even though before this the perception is negative. Although the result from the research showing that there is a character and acting which is positive character itself, such as clever, follow instruction, smart brave, independence, fulfill promised, active, honest and not greedy. Then the research had the ability to change the point of view from the society from negative to the positive perspective towards Malay tales of humour.

## PENGHARGAAN

### **Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat saya menyiapkan dan seterusnya menghasilkan tesis yang bertajuk ‘Watak dan Perwatakan Utama dalam Cerita Jenaka Melayu.’

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mana-mana pihak yang banyak membantu dalam proses menyiapkan tesis ini, sama ada secara langsung mahupun tidak.

Pertama sekali, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada ibu saya iaitu Zaiton Bt. Mat Akir yang telah banyak memberi dorongan dan semangat untuk saya lebih tabah dalam menghadapi liku-liku kehidupan sebagai seorang pelajar.

Kedua, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada pengerusi penyeliaan tesis saya iaitu Dr. Roslina Bt Abu Bakar. Beliau banyak memberi tunjuk ajar dan tidak lokek berkongsi ilmu untuk dimanfaatkan bersama.

Tidak ketinggalan juga kepada ajk penyeliaan tesis saya iaitu, Dr. Nik Rafidah Bt Nik Mohamad Affendi yang turut membantu dan seterusnya memudahkan proses menyiapkan tesis ini.

Kepada pihak perpustakaan Negara, pihak perpustakaan Universiti Putra Malaysia, pihak perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, pihak perpustakaan Universiti Malaya, dan pihak perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, terima kasih diucapkan kerana membenarkan saya untuk mencari sumber maklumat di tempat-tempat tersebut.

Terima kasih juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi, kerana telah memberikan biasiswa dalam pengajian saya ini. Kepada kawan-kawan yang banyak membantu, terima kasih diucapkan kepada kalian. Jasa baik kalian semua amat dihargai

Sekian terima kasih



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Roslina Bt Abu Bakar, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Rafidah Bt Nik Mohamad Affendi, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Muhammad Safuan Bin Ismail GS32404

## Perakuan Ahli Jawatankuasa

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Roslina Bt Abu Bakar

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Nik Rafidah Bt Nik Mohamad Affendi,

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI SIMBOL</b>	xiv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	9
1.3 Batasan Kajian	10
1.4 Definisi Operasional	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	15
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	22
<b>4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	29
4.1 Pengenalan	
4.2 Analisis Watak dan Perwatakan Utama yang Bersifat Positif dalam Cerita Jenaka Melayu	
4.2.1 Watak dan Perwatakan yang Ringan Tulang dan Pandai	35
4.2.1.1 Watak dan Perwatakan Awang	36
4.2.1.2 Watak dan perwatakan Pak Pandir	37
4.2.1.3 Kesimpulan	39
4.2.2 Watak dan Perwatakan yang Menurut Perintah dan Bijaksana	40
4.2.2.1 Watak dan Perwatakan Pak Kaduk	42
4.2.2.2 Watak dan Perwatakan Pak Belalang	44
4.2.2.3 Watak dan Perwatakan Awang	46
4.2.2.4 Kesimpulan	49
4.2.3 Watak dan Perwatakan yang Berani dan Cerdik	50
4.2.3.1 Watak dan Perwatakan Awang	51
4.2.3.2 Watak dan Perwatakan Si Luncai	54
4.2.3.3 Watak dan Perwatakan Pak Pandir	56
4.2.3.4 Kesimpulan	59
4.2.4 Watak dan Perwatakan yang Mempertahankan Hak dan Bijak	60
4.2.4.1 Watak dan Perwatakan Si Luncai	61
4.2.4.2 Kesimpulan	66
4.2.5 Watak dan Perwatakan yang Menepati janji dan Cerdas	67
4.2.5.1 Watak dan Perwatakan Lebai Malang	68
4.2.5.2 Watak dan Perwatakan Awang	71

4.2.5.3 Kesimpulan	74
4.2.6 Watak dan Perwatakan yang Berdikari dan Cerdik	75
4.2.6.1 Watak dan Perwatakan Pak Pandir	76
4.2.6.2 Kesimpulan	79
4.2.7 Watak dan Perwatakan yang Tidak Tamak dan Cerdas	80
4.2.7.1 Watak dan Perwatakan Awang	81
4.2.7.2 Kesimpulan	82
4.2.8 Watak dan Perwatakan yang Jujur dan Cerdas	83
4.2.8.1 Watak dan Perwatakan Awang	84
4.2.8.2 Kesimpulan	86
<b>5 KESIMPULAN</b>	<b>88</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>91</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>94</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>120</b>

## SENARAI GAMBARAJAH

<b>Gambarajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.0	Pendekatan Psikologi Humanistik	26
2.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: ringan tulang	40
3.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: menurut perintah	50
4.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: berani	59
5.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: mempertahankan hak	67
6.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: menepati janji	75
7.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: berdikari	79
8.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: tidak tamak	83
9.0	Aliran keperluan Psikologi Humanistik Kepada perwatakan Positif: tidak tamak	86


## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.0	Aplikasi Pendekatan Psikologi Humanistik Menerusi Watak dan Perwatakan Utama dalam Cerita Jenaka Melayu	27
2.0	Maksud Akal fikiran yang Positif	33



## SENARAI SINGKATAN

SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
SAW	Salallaahu Alaihi Wasallam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





## SENARAI SIMBOL

\_...\_ Suara Anjing

~...~ Bunyi Ketawa

^...^ Bunyi Deringan Telefon Bimbit

#...# Bunyi Kereta Api Lalu

[...] Suara Kanak-Kanak

(...)\* Nada Suara Ditinggikan

{...} Suara Guru Lain

>...< Tepukan Tangan

## BAB I

### PENGENALAN

Sastera tradisional merupakan kesusasteraan lama yang dihasilkan oleh orang perseorangan dan tidak diketahui asal usulnya. Ia disampaikan dari satu generasi ke satu generasi oleh penglipurlara. Cerita-cerita yang disampaikan oleh penglipurlara mempunyai pelbagai versi kerana berlakunya proses tokoh tambah mengikut kepada situasi masyarakat pada masa ia disampaikan. Namun nilai peribadi dan kebudayaan Melayu masih kuat dipegang oleh masyarakatnya menerusi cerita-cerita masyarakat Melayu lama (Mohd Taib Othman, 1987:17). Oleh hal yang demikian, kesusasteraan tradisional boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu sastera rakyat, sastera epik, sastera agama dan juga sastera sejarah. Namun kesusasteraan Melayu tradisional yang disampaikan oleh penglipurlara hanya terdiri daripada sastera lisan, manakala sastera bertulis pula hanya dihaskan kepada golongan bangsawan. Hal ini dapat dijelaskan menerusi petikan berikut:

Dalam bidang kesusasteraan melayu lama, tradisi lisan atau kesusasteraan rakyat itu dikatakan penghasilan sastera di kalangan rakyat sementara tradisi tertulis itu penghasilan golongan istana. (Mohd. Taib Othman, 1981: 3)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa kesusasteraan sastera Melayu tradisional mempunyai dua kategori iaitu sastera lisan dan juga sastera bertulis. Kesusasteraan bertulis selalunya menceritakan keperihalan golongan raja dan bangsawan istana, manakala kesusasteraan lisan menceritakan perihal masyarakat bawahan iaitu golongan marhain sebagai watak utama. Pengkaji mendapati bahawa sastera rakyat menerusi kesusasteraan tradisional boleh dibahagikan kepada empat buah cerita seperti cerita jenaka, cerita lipurlara, cerita tauladan dan juga cerita binatang yang mengetengahkan watak-watak manusia dan watak-watak binatang sebagai watak utama yang berperwatakan positif dan selalunya berjaya menghadapi segala cabaran ataupun dugaan hidup. Walau bagaimanapun, watak dan perwatakan utama menerusi cerita rakyat Melayu tidak setanding dengan watak dan perwatakan watak utama menerusi cerita-cerita rakyat masyarakat luar kerana ia dianggap rendah dan dipengaruhi oleh cerita-cerita dari masyarakat luar seperti cerita-cerita daripada negara Arab, negara Parsi dan negara India. Penelitian ini dijelaskan menerusi petikan berikut:

“Tradisi masyarakat Melayu adalah tradisi kecil yang mengandungi unsur-unsur budaya dari luar yang dikenali sebagai proses difusi budaya iaitu pengaruh daripada budaya asing

seperti India dan Islam, dan ia dianggap telah mempengaruhi keseluruhan tradisi budaya Melayu. Oleh itu rangka pemikiran seperti ini adalah bertujuan untuk memperkecilkan budaya Melayu dan sudah tentu mereka mempunyai agenda tersendiri dalam usaha untuk menakluki tanah jajahan pada ketika itu.

(Wan Abdul Kadir wan Yusuf,  
2007: 41)

Petikan tersebut menjelaskan tujuan sarjana Barat untuk memperkecilkan keseluruhan tradisi budaya masyarakat Melayu dengan menyatakan bahawa cerita rakyat masyarakat Melayu menerima pengaruh dari luar iaitu pengaruh daripada agama Islam dan agama Hindu. Sehubungan dengan itu, sarjana barat telah memandang rendah terhadap hasil kesusasteraan masyarakat Melayu tradisional sehingga menganggap karya-karya yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu tradisional bersifat negatif berbanding karya-karya yang dihasilkan oleh mereka. Oleh hal yang demikian, watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu turut terkesan dengan pandangan tersebut. Ia jelas digambarkan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) dengan menyatakan bahawa cerita-cerita jenaka Melayu hanya mempunyai lima watak sahaja seperti watak Pak Kaduk, watak Lebai Malang, watak Pak Pandir, watak Si Luncai, dan juga watak Pak Belalang. Watak-watak dalam cerita jenaka Melayu ini juga digambarkan berperwatakan bodoh, bodoh sial dan juga pintar (Saiful Bahari Md. Radzi, 2001: 24). Walaupun kepintaran yang dinyatakan itu berbunyi positif tetapi gambaran yang dinyatakan oleh Winstedt ini tidak lah sampai ke maksud asalnya. Pandangan yang bersifat negatif ini turut mempengaruhi pendapat sarjana tempatan seperti pandangan Noriah Taslim (2008:91) yang telah mengkategorikan watak utama menerusi cerita jenaka Melayu bersifat lalai dan lemah. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

“Cerita jenaka Melayu sering dianggap lalai, lemah dan tidak dapat melakukan sesuatu kerja dengan sempurna seperti manusia normal lain”

(Noriah Taslim, 2008: 91)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa perwatakan watak menerusi cerita jenaka Melayu digambarkan berperwatakan lalai, lemah dan tidak dapat menyelesaikan sesuatu kerja dengan sempurna. Selain itu, Kenyataan beliau ini semacam mengiyakan kenyataan winstedt itu dengan menyatakan bahawa perwatakan watak Pak Pandir bersifat negatif iaitu bodoh dan tidak dapat menyempurnakan tugas-tugas yang paling mudah. Ia dijelaskan menerusi petikan tersebut:

Kebodohan watak Pak Pandir menyebabkan dia sentiasa tidak dapat menyempurnakan tugas-tugas yang paling mudah, sentiasa melakukan perkara yang bercanggah, tidak wajar menurut logika akal orang yang “normal”.  
(Noriah Taslim, 2008: 91)

Petikan tersebut menggambarkan bahawa watak dan perwatakan Pak Pandir yang tidak tahu untuk melakukan kerja-kerja yang mudah seperti manusia normal lain. Namun pandangan ini seperti menghukum sesebuah karya itu dengan sewenang-wenangnya tanpa melihat karya itu secara menyeluruh. Ia jelas diungkapkan menerusi petikan berikut:

“Tulisan Winstedt terutamanya sekali dikritik dengan hebat oleh Barat dan intelektual Melayu sendiri. Tulisan Winstedt ini dianggap cetek, tidak menyeluruh dan memperlihatkan keyakinan orang Inggeris yang kerterlaluan terhadap kelebihan bangsanya”.  
(Noriah Taslim, 2010: 110)

Petikan tersebut menjelaskan pandangan Ismail Hussin dalam Noriah Taslim yang menyatakan bahawa Winstedt tidak mengkaji karya masyarakat Melayu tradisional secara menyeluruh, sehingga menyebabkan masyarakat Melayu digambarkan bersifat negatif seperti petikan berikut:

sejarah-sejarah Melayu lama diletak pada taraf sastera, orang-orang Melayu dahulu kala ditafsir sebagai lurus, jumud, bodoh, taat pada raja secara membuta tuli, tidak bertamadun, tidak pandai berfikir.

(Hj Muzaffar Dato' Haji  
Mohamad, 2003: 33)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa menerusi sejarah masa lalu, masyarakat Melayu tradisional digambarkan sebagai masyarakat yang lurus, jumud, bodoh, taat pada raja secara membuta tuli, tidak bertamadun, tidak pandai berfikir. Gambaran seperti ini sudah tentu tidak menyamai perilaku masyarakat melayu tradisional yang dikatakan lemah lembut, berbudi pekerti dan bersopan santun. Walaubagaimanapun, Ismail

Hussain tidak menyetujui pandangan yang digambarkan oleh Winstedt. Ia dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Tanggapan seperti ini didapati tidak dikaji secara menyeluruh untuk melihat keperibadian sebenar masyarakat Melayu tradisional “Tulisan Winstedt terutamanya sekali dikritik dengan hebat oleh Barat dan intelektual Melayu sendiri. Tulisan Winstedt ini dianggap cetek, tidak menyeluruh dan memperlihatkan keyakinan orang Inggeris yang keterlaluan terhadap kelebihan bangsanya”.

(Noriah Taslim, 2010: 110)

Petikan tersebut menjelaskan pandangan Ismail Hussin dalam Noriah Taslim yang menyatakan bahawa Winstedt tidak mengkaji karya masyarakat Melayu tradisional secara menyeluruh. Oleh itu, didapati bahawa hujah tersebut telah menguatkan tanggapan masyarakat kini bahawa watak dan perwatakan Menerusi cerita jenaka Melayu bersifat negatif. Tanggapan seperti ini tentu sukar untuk dikikis kerana sudah sebatu dalam pemikiran generasi kini. Oleh itu, kajian ini seharusnya dapat mengubah tanggapan masyarakat dari dalam dan luar, yang menganggap bahawa watak dan perwatakan utama cerita jenaka Melayu bersifat negatif kepada watak dan perwatakan yang bersifat positif seperti watak dan perwatakan yang ringan tulang dan pandai, watak dan perwatakan yang menurut perintah dan bijaksana, watak dan perwatakan yang berani dan pintar, watak dan perwatakan yang mempertahankan hak dan bijaksana, watak dan perwatakan yang menepati janji cerdas, watak dan perwatakan yang berdikari dan cerdik, watak dan perwatakan yang jujur dan cerdas serta watak dan perwatakan yang tidak tamak dan cerdas.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Watak utama dalam sesebuah cerita memainkan peranan penting untuk mengembangkan plot dan menggerakkan jalan cerita. Watak utama dilihat mempunyai perwatakan yang berbeza dengan perwatakan watak-watak sampingan lain kerana watak utama mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan dapat menarik perhatian penonton untuk menyaksikan cerita yang disampaikan dari awal sehingga penghujung cerita. Perwatakan utama selalunya memainkan peranan yang bersifat positif. Namun, perkara ini tidak terjadi kepada watak utama menerusi cerita jenaka Melayu. Hal ini demikian kerana, Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001:24) telah memberi satu tanggapan yang bersifat negatif terhadap watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu, Seperti mana petikan berikut:

Cerita jenaka selalunya mempunyai lima bentuk cerita sahaja iaitu Pak Pandir, Pak Kadok, Pak Belalang, Lebai Malang, dan Si Luncai. Melalui lima cerita inilah khalayak dapat merehatkan badan dan juga fikiran mereka. Hal ini demikian kerana, dalam cerita-cerita jenaka didapati wujudnya unsur-unsur kelucuan yang memberikan khalayak kesan ketenangan kepada pemikiran. Melalui lima cerita jenaka tersebut didapati bahawa terdapat tiga kategori watak yang sering diketengahkan oleh pencerita iaitu watak bodoh yang mudah diperdaya seperti Pak Kaduk dan Lebai Malang, keduanya watak bodoh yang diwakili oleh Pak Pandir, dan yang ketiga adalah watak pintar yang diwakili oleh Pak Belalang dan Si Luncai.

(Saiful Bahari Md. Radzi,  
2001:24)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa cerita jenaka Melayu mempunyai lima watak sahaja seperti watak Pak Kaduk, watak Pak Belalang, watak Pak Pandir, watak Si Luncai dan watak Lebai Malang yang berperwatakan bodoh, bodoh sial dan juga pintar. Didapati bahawa pandangan Winstedt tersebut hanya melihat pada satu lapis makna sahaja iaitu bodoh dan sial. Hal ini menyebabkan pandangan tersebut bertentangan dengan perwatakan watak utama yang bersifat positif seperti watak utama yang berperwatakan gagah perkasa, watak utama yang berperwatakan berani menghadapi segala dugaan dan cabaran, watak yang berperwatakan pandai membawa diri dan watak yang mempunyai segala sifat positif yang boleh menyebabkan tokoh ini diangkat sebagai watak penting. Pandangan Winstedt yang bersifat negatif tersebut telah memperkecilkan keperibadian masyarakat Melayu, sehingga menggambarkan masyarakat Melayu yang berperwatakan negatif.

Namun, dari aspek kepintaran watak utama menerusi cerita jenaka Melayu pula, Winstedt hanya menfokuskan kepada beberapa watak utama sahaja. Tetapi, kepintaran yang dinyatakan oleh Winstedt itu masih dikaburi dengan perlakuan yang bodoh, contohnya watak Pak Kaduk yang mungkin dilihat bertindak bodoh kerana menukar ayamnya dengan ayam raja, walaupun diketahui bahawa ayamnya bertuah dan boleh memenangi pertandingan menyabung ayam. Tindakan Pak Kaduk yang menukar ayamnya iaitu Biring Si Kunani bukanlah satu tindakan yang bodoh, kerana pada zaman peristiwa itu berlaku ketaatan seorang rakyat kepada raja yang memerintah merupakan perkara yang mesti untuk dipatuhi. Hal ini kerana wujudnya satu konsep

daulat dan derhaka pada masa itu yang perlu ditaati oleh rakyat dan juga pihak pemerintah. Jika kedua-dua belah pihak melanggar perjanjian tersebut akan berlakulah malapetaka yang tidak diinginkan. Dalam hal ini, dapat dijelaskan bahawa, masyarakat Melayu dahulu kala melakukan sesuatu tindakan berasaskan kepada kepercayaan mereka terhadap konsep wa'ad, iaitu perjanjian di antara pihak pemerintah dan rakyat yang harus dipatuhi. Disebabkan itu, masyarakat Melayu dikatakan lemah lembut sifatnya, bersopan santun dan taat kepada pemerintah. Hal ini dapat dijelaskan menerusi petikan berikut:

Perkataan budi pekerti atau akhlak sudah tidak asing lagi, bagi orang Islam. Dalam masyarakat Melayu, semenjak zaman dahulu hingga sekarang, budi pekerti amat dititikberatkan. Budi pekerti yang baik itu menjadi satu identiti kepada bangsa melayu sehingga melahirkan berbagai-bagai peribahasa dan juga puisi melayu yang menekankan peri baiknya, peri mulianya dan peri tingginya darjat manusia yang berbudi pekerti

(Haji Johari Haji Alias,  
1997:1)

Menerusi petikan tersebut, didapati bahawa masyarakat Melayu sangat menitik beratkan keperibadian yang baik sehingga keperibadian seperti ini menjadi satu identiti kepada bangsa Melayu itu sendiri. Oleh hal yang demikian watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu menggambarkan keperibadian masyarakat Melayu sebenar. Namun, kajian-kajian lepas telah mewujudkan tiga pandangan berbeza yang menyamai pandangan Winstedt iaitu:

1. Jenis watak
2. Watak dan perwatakan
3. Pandangan masyarakat terhadap watak dan perwatakan  
Menerusi cerita jenaka Melayu.

Ketiga-tiga pandangan tersebut dilihat berbeza. Namun ia tetap menjelaskan tentang watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu yang bersifat negatif iaitu bodoh dan sial. Oleh hal yang demikian, pandangan-pandangan seperti ini telah mewujudkan kekosongan ruang untuk diperbaharui dan diperkemas supaya kajian terhadap watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu lebih bersifat positif dan masyarakat kini tidak perlu diperdaya dengan andaian yang bersifat cetek. Seterusnya kajian ini mampu memberi kefahaman baharu kepada masyarakat Melayu khususnya

generasi muda mengenai alasan watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu melakukan sesuatu tindakan yang berlawanan dengan sifat positif. Perlakuan watak yang bersifat positif ini terjadi kerana watak-watak utama menerusi cerita jenaka Melayu telah menggunakan akal fikiran yang cerdik untuk melakukan dan menyelesaikan sesuatu perkara. Hal ini dapat dijelaskan menerusi petikan berikut:

cerita-cerita berkenaan manusia  
dungu (tidak semestinya bodoh  
kerana ada ketikanya dia boleh  
melakukan sesuatu yang cerdik)

(Hassan Ahmad, 2007:  
xxxiv)

Petikan tersebut menjelaskan mengenai watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu yang mempunyai pemikiran yang cerdik. Pandangan Hassan Ahmad ini berbeza dengan pandangan Winstedt yang bersifat negatif. Oleh itu, tanggapan yang bersifat negatif tersebut dilihat bersifat cetek dan tidak menyeluruh seperti mana petikan berikut:

Tulisan Winstedt terutamanya  
sekali dikritik dengan hebat oleh  
Barat dan intelektual Melayu  
sendiri. Hal ini demikian kerana  
tulisan Winstedt tersebut  
dianggap cetek, tidak  
menyeluruh dan  
memperlihatkan keyakinan  
orang Inggeris yang keterlaluan  
terhadap kelebihan bangsanya.

(Noriah Taslim, 2010: 110)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa intelektual Melayu dan intelektual Barat telah melihat tulisan Winstedt yang terlalu cetek dan tidak menyeluruh sehingga menyebabkan karya masyarakat Melayu tradisional khususnya cerita jenaka Melayu dianggap bersifat negatif. Hal ini, menyebabkan masyarakat Melayu sendiri memandang rendah terhadap bangsa mereka sendiri yang digambarkan berperwatakan bodoh dan sial sepertimana yang dialami oleh cerita jenaka Melayu. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh Winstedt tidak menyeluruh sehingga watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu menggambarkan perwatakan yang negatif sehingga masyarakat kini tidak menyedari akan wujudnya satu rancangan sulit untuk melemahkan bangsa Melayu yang beragama Islam. Hal ini dapat dijelaskan menerusi petikan berikut:



Ringkasnya, banyak orang Melayu pada hari ini merasa amat kerdil dan rendah diri pada sejarah serta identiti kemelayaannya yang dianggap cara lama yang tidak perlu dipegang dan dipertahankan lagi. Walhal mereka tidak mengetahui keadaan ini merupakan rancangan sulit jangka panjang oleh musuh-musuh agama dan bangsa yang mahu melemahkan umat Islam secara halus dari dalam. Sikap suka mencaci bangsa sendiri seolah-olah memberi isyarat bahawa orang-orang Melayu hari ini merasa amat tidak selesa dengan identiti serta imej kemelayuan dan telah bersedia untuk meninggalkan identiti dan imej tersebut.

(Hj Muzaffar Dato' Haji  
Mohamad, 2003: 46)

Petikan tersebut menjelaskan tentang keraguan masyarakat Melayu terhadap bangsanya sendiri kerana masyarakat Melayu tidak menyedari bahawa mereka ditipu oleh kuasa Barat yang hanya memutarbelitkan keadaan supaya masyarakat Melayu yang beragama Islam berasa lemah dan tidak yakin terhadap bangsa mereka. Oleh itu, kajian-kajian lepas dilihat menyamai pandangan yang merendah-rendahkan martabat masyarakat Melayu, seperti pandangan daripada pengkaji tempatan iaitu A.Bakar Hamid, H. Ahmad Samin Saregar dan Noriah Taslim. Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh A.Bakar Hamid (*Sastera Tradisi*, 1976: 39), beliau menjelaskan bahawa terdapat lima watak lucu yang penting menerusi cerita jenaka Melayu dan mempunyai ciri-ciri tersendiri. Watak-watak tersebut terdiri daripada watak Pak Pandir, watak Lebai Malang, watak Pak Kaduk, watak Pak Belalang dan watak Si Luncai. Justeru itu, didapati bahawa setiap watak mempunyai banyak jalan cerita sehingga watak-watak menerusi cerita jenaka Melayu ini boleh dibahagikan kepada tiga golongan mengikut kepada sifat-sifat dan tabiat mereka seperti bodoh sial yang diwakili oleh watak Lebai Malang dan watak Pak Kaduk, watak pintar bodoh pula diwakili watak Pak Pandir dan watak pintar diwakili oleh watak Pak Belalang dan watak Si Luncai. Manakala H. Ahmad Samin Siregar (Noriah Taslim, April 2008: 91) pula, menjelaskan bahawa cerita jenaka Melayu berkisar kepada seorang tokoh yang lucu. Justeru itu, unsur-unsur kelucuan yang dipersembahkan oleh tokoh-tokoh utama menggambarkan seseorang yang berperwatakan bodoh dan sial, bodoh namun pintar, dan tokoh yang pintar.

Di samping itu, Noriah Taslim (Dewan Sastera, 2008: 91) juga memberi pandangan yang sama mengenai perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu seperti pandangan Winstedt iaitu menerusi perwatakan Pak Pandir yang digambarkan berperwatakan bodoh, sentiasa tidak dapat menyempurnakan tugas-tugas yang paling

mudah, seperti selalu melakukan perkara-pekerja yang bercanggah dan tidak wajar. Menerusi sorotan kajian-kajian lepas, didapati bahawa pandangan winstedt yang bersifat negatif itu tidak menggambarkan keperibadian masyarakat Melayu yang berbudi pekerti. Bertitik tolak dari permasalahan tersebut, kajian ini telah memperlihatkan watak yang berperwatakan ringan tulang dan pandai, watak yang berperwatakan menurut perintah dan bijaksana, watak yang berperwatakan berani dan cerdik, watak yang berperwatakan mempertahankan hak dan bijaksana, watak yang berperwatakan menepati janji dan cerdas, watak yang berperwatakan berdikari dan pandai, watak yang berperwatakan jujur dan cerdas, serta watak yang berperwatakan tidak tamak dan cerdas.

## **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai dua objektif kajian iaitu:

1. Memperlihatkan watak dan perwatakan utama yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu.
2. Menganalisis watak dan perwatakan utama yang bersifat positif dalam cerita jenaka Melayu.

## **1.3 Batasan Kajian**

Batasan kajian diperlukan dalam sesebuah penyelidikan, kerana kajian yang dilakukan lebih terfokus dan tertumpu dengan apa yang hendak diselidiki. Oleh hal yang demikian, kajian ini dibataskan kepada sastera rakyat iaitu cerita jenaka Melayu menerusi enam buah cerita seperti cerita Awang, cerita Pak Pandir, Cerita Si Luncai, Cerita Pak Kaduk, cerita Lebai Malang dan cerita Pak Belalang. Cerita-cerita jenaka Melayu ini diperolehi daripada hasil rakaman yang dituturkan oleh penutur amatur seperti Pn. Nurazlina Bt Md. Nasir dari negeri Perak, Cik Siti Sabariah Bt Mat Esah dan Cik Atikah dari negeri Pulau Pinang manakala penutur professional pula iaitu En. Romli Bin Mahmud dari negeri perlis. Kesemua penutur amatur dan penutur professional ini dipilih kerana cerita yang disampaikan masih lagi segar dalam fikiran mereka. Cerita-cerita jenaka Melayu tersebut juga merupakan hasil karya sastera rakyat yang diwarisi secara turun temurun daripada satu generasi ke satu generasi. Oleh itu, cerita jenaka Melayu yang diperolehi ini dianalisis berdasarkan perlakuan watak yang positif seperti watak dan perwatakan yang ringan tulang dan pandai, watak dan perwatakan yang menurut perintah dan bijaksana, watak dan perwatakan yang berani dan pintar, watak dan perwatakan yang mempertahankan hak dan bijaksana, watak dan perwatakan yang menepati janji dan cerdas, watak dan perwatakan yang berdikari dan cerdik, watak dan perwatakan yang tidak tamak dan cerdas, serta watak dan perwatakan yang jujur dan cerdas. Maka, analisis watak dan perwatakan utama yang bersifat positif telah menggunakan pendekatan Psikologi Humanistik. Pendekatan ini mempunyai lima keperluan seperti keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan akan harga diri dan keperluan mencapai nirvana diri. keperluan-keperluan yang digunakan ini mempunyai hubungkait dengan kehendak manusia untuk meneruskan kehidupan.

## 1.4 Definisi Operasional

Definisi operasional bertujuan untuk munghurai dan memberikan maksud kepada perkataan-perkataan ataupun frasa-frasa yang berkaitan dengan kajian ini, supaya perkara yang ingin disampaikan oleh pengkaji dapat difahami dan seterusnya memberi pengetahuan baharu kepada pembaca. Oleh itu, maksud watak dan perwatakan dalam cerita jenaka Melayu dapat dijelaskan seperti berikut:

### 1.4.1 Watak dan Perwatakan

Hasanuddin WS (*Ensiklopedia Sastra Indonesia*, 2004: 391,623) menyatakan bahawa watak adalah sifat-sifat kejiwaan (akhlak, budi, pekerti, tabiat, dan sebagainya) iaitu membezakan seseorang dengan yang lain. Manakala perkataan bahasa Inggeris, *character* pula merupakan perwatakan yang dijelaskan sebagai pelaku tertentu dalam sesebuah drama. Oleh itu, menerusi karya sastera karektor diperlukan oleh penulis untuk menggerakkan tokoh-tokohnya. Justeru itu, perwatakan adalah lukisan tentang tabiat, sifat atau watak para pelaku cerita di dalam sesebuah karya. Oleh hal yang demikian, menerusi karya novel ataupun cerpen watak pelaku cerita selalunya dilukiskan dengan wajar, logik, tidak dipaksa-paksa, dan tidak dibuat-buat, semuanya muncul dengan kewajaran yang tersendiri. Shahnon ahmad (*Gubahan Novel*, 1979: 64) pula menyatakan bahawa watak dalam fiksyen adalah manusia atau bukan manusia (diwakili oleh binatang) yang memainkan sesuatu peranan. Manusia dicipta serta diberi fungsi untuk mendukung idea pokok, mengembangkan idea sehingga mencapai matlamat pengarang. Manusia inilah yang disebut sebagai watak.

Ramli Isin (*Cerminan Nilai Budaya Bangsa*, 1994:22) dalam Othman Putih berpendapat, watak merupakan unsur yang berfungsi mengembangkan tema dan persoalan-persoalan yang telah menjadi pemikiran kepada seseorang pengarang atau pengkarya. Mana Sikana (*Cerminan Nilai Budaya Bangsa*, 1994: 92) dalam Othman Putih pula menyatakan bahawa watak akan digerakkan oleh pengarang secara bersendirian, supaya dapat menghidupkan latar dan suasana di sekelilingnya. Tanpa watak, gerakan plot dan idea tidak dapat ditonjolkan. Oleh itu, watak akan menggerakkan, menghidupkan, dan mengembangkan sesebuah karya.

Faisal Tehrani (*Karya Nan Indah Untuk Semua*, 2008: 120-121) telah menyatakan bahawa terdapat dua jenis watak, iaitu watak bulat dan watak pipih. Watak bulat secara ringkasnya ialah watak kompleks, iaitu tiga dimensi dan mempunyai sifat-sifat yang bertentangan. Watak ini akan menghidupkan cerita, membawa mesej dan tema pilihan pengarang serta menjalankan tugas untuk mengembangkan plot. Manakala watak pipih pula adalah watak yang boleh dijangkakan aksi mereka, biasanya bersifat steriotaip seperti orang gemuk selalunya kuat makan (gambaran lazim) dan sebagainya. Umar Junus (*Dongeng Tentang Cerita*, 1993: 85-86) menyatakan bahawa watak binatang dianggap seperti manusia, misalnya kancil boleh berbicara, berfikir dan menggunakan akal untuk melawan musuh yang lebih kuat daripada dirinya. Oleh hal yang demikian, semua watak binatang digambarkan seperti manusia dan pembaca akan berusaha mencari manusia dalam cerita yang wataknya adalah seekor haiwan. Oleh itu, didapati

bahawa yang bukan manusia akan dimanusiakan. Walaupun begitu, ada pihak lain yang menyatakan bahawa watak haiwan ini dianggap tidak sama dengan manusia kerana ia dihadirkan hanya untuk memainkan satu peranan dalam sesebuah cerita. Hal ini bermakna watak tersebut bukan watak manusia yang sebenarnya. Ia tidak tampil sebagai manusia (utuh), tetapi sebagai watak dan mempunyai peranan tertentu seperti manusia yang kompleks, bergantung kepada cerita yang diketengahkan.

Ismail Ahmad (*Memahami Cerpen dan Novel*, 1988: 64) menyatakan bahawa watak adalah penjelmaan manusia biasa yang berperibadi. Manakala, watak dan perwatakan berfungsi mengembangkan tema, persoalan serta plot dalam sesebuah cerita yang boleh menimbulkan konflik pertentangan atau pertikaian termasuk perubahan sikap, pandangan hidup dan pemikiran seseorang watak dalam masyarakatnya. S. Othman Kelantan (*Teknik Mengkaji Novel*, 1985) pula menyatakan bahawa watak ialah gambaran tentang pelaku yang memegang peranan di dalam sesebuah karya, sama ada gambaran watak itu manusia ataupun binatang. Oleh itu, gambaran fizikal dan gambaran perwatakan terjadi disebabkan oleh pengaruh persekitaran, keturunan, pendidikan, pergaulan, pemikiran dan sikap seseorang terhadap sesuatu perkara. Justeru itu, watak juga digambarkan seperti bentuk tubuh yang besar, kecil, kurus, gemuk, tinggi, rendah, hitam, putih dan sesuatu perkara yang bersifat peribadi. Jika watak itu adalah manusia, sifat tentang manusia tersebut hendaklah dijelaskan secara terperinci. Hal ini bertujuan untuk melihat kesesuaian peranan yang dimainkan dalam seluruh karya.

Manakala Ismail Hamid (*Sastera Rakyat*, 1987: 25-27) menerusi artikelnya “Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama”, menyatakan bahawa gambaran watak sangat penting dalam cerita-cerita jenaka. Ia menerusi gambaran perwatakan yang akan menentukan kejayaan sesuatu cerita, lebih-lebih lagi untuk memperlihatkan unsur-unsur kelucuan. Hal ini kerana, unsur-unsur kelucuan dalam cerita jenaka ini didasarkan kepada tindak tanduk watak yang menggambarkan tabiat dan sifat manusia yang berlebihan, ditambah pula dengan keragaman penghidupan manusia dalam bentuk kebodohan, kelurusan yang melulu, dan sebagainya. Sebagai manusia biasa mereka mempunyai sifat-sifat kelemahan seperti yang biasa terdapat pada manusia, iaitu sifat kesombongan diri, dan perasaan tamak yang hendak cepat mendapat untung. Sifat-sifat tersebut ditambah pula dengan nasib malang dan daya fikir yang tidak saksama akhirnya merugikan, malah mendatangkan malapetaka kepada mereka sendiri. Watak merupakan tokoh ataupun orang yang memainkan peranan untuk menggerakkan sesebuah cerita, manakala perwatakan pula merupakan perilaku yang dimainkan menerusi sesuatu perbuatan, sama ada baik ataupun buruk, serta menggambarkan keperibadian watak dalam ceritanya seperti watak dalam cerita jenaka iaitu watak Pak Pandir, watak Pak Belalang, watak Pak Kaduk, watak Si Luncai dan watak Lebai Malang yang berperwatakan bodoh, sial dan pintar. Kesimpulannya watak dan perwatakan mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh dikelaskan kepada watak utama, watak pembantu, watak sampingan, dan watak-watak tambahan yang akan melengkapkan proses perjalanan sesebuah cerita. Manakala watak-watak yang telah dikelaskan tersebut boleh pula terdiri daripada watak baik yang dikenali sebagai watak protagonis, manakala watak jahat dikenali sebagai watak antagonis yang memberi kelainan penghayatan kepada pembaca, penonton mahupun pendengar.

#### 1.4.2 Cerita Jenaka

Aripin Said (*Prosa Warisan*, 2006), menerusi artikelnya *Cerita Jenaka: Memberi pengajaran, Menyindir, dan Hiburan Untuk Masyarakat*, menyatakan bahawa cerita-cerita jenaka selalunya menggambarkan suasana masyarakat rakyat jelata. Watak-wataknya terdiri daripada orang biasa dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, kadang kala terdapat watak raja atau orang besar istana. Selain itu, cerita-cerita jenaka ini juga merupakan satu bentuk kritikan masyarakat terhadap tingkah laku anggota masyarakat terutamanya yang kurang sopan. Manakala Mohd. Yusof Md. Nor (*Intasari Sejarah Kesusasteraan Melayu Lama*, 1986: 15), menerusi artikel *Cerita Jenaka*, menegaskan bahawa cerita jenaka mementingkan gambaran dan peranan watak tertentu yang menimbulkan kelucuan. Satu lagi penelitian yang dilakukan oleh Mohd Taib Othman (*Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, 1981: 10), menerusi tulisannya “*Mengenalkan Kesusasteraan Rakyat*”, telah menyatakan bahawa bidang kesusasteraan Melayu lama iaitu tradisi lisan atau kesusasteraan rakyat dikatakan terhasil dalam kalangan rakyat. Sementara itu tradisi bertulis dihasilkan untuk golongan istana. oleh itu didapati bahawa cerita-cerita jenaka merupakan satu perbendaharaan cerita lisan, dan watak-watak lucunya menjadi lambang kepada sifat-sifat manusia, walaupun cerita-cerita jenaka Melayu ini tidak diketahui secara meluas melainkan cerita-cerita yang pernah dirakamkan oleh sarjana-sarjana Inggeris yang berada di tanah Melayu pada waktu dahulu.

Noriah Taslim (*Seminar Jenaka Melayu Nusantara*, 2003: 2), menerusi kertas kerjanya “*Gander, Kelas, dan Hirarki dalam Cerita-cerita Jenaka Melayu: Pemandangan Dunia Nyata ke dalam Kerangka Olokan*”, telah menyatakan bahawa cerita jenaka Melayu merupakan naratif rakyat yang memuatkan unsur-unsur lucu yang mencuit rasa geli hati dan menyebabkan seseorang itu ketawa. Cerita-cerita jenaka ini pada dasarnya menyampaikan jenaka untuk rakyat, memenuhi budaya ketawa manusia desa yang amat kreatif sifat jenakanya serta disampaikan dalam bentuk yang rendah, setara dengan kehidupan manusia desa, dan menggunakan bahasa harian. Justeru itu, isi-isi cerita jenaka juga berkait dengan keperihal hidup iaitu lumrah manusia desa yang berlegar di sekitar manusia yang rendah perwatakannya. Namun dalam bentuknya yang rendah ini, cerita jenaka rakyat mengandungi intelektual kreatif orang Melayu yang mengkagumkan, terutamanya menerusi episod-episod muslihat, tipu daya, ikhtiar, dan cara untuk melepaskan diri dari masalah dan bencana.

Annas Haji Abdullah (*Sastera Melayu Lama dan Baru*, 1988: 8) menerusi artikelnya *Sastera Rakyat (Cerita-cerita Jenaka)*, menyatakan bahawa cerita-cerita jenaka lebih dekat menggambarkan keadaan dalam masyarakat Melayu lama sehingga cerita-cerita ini dijadikan peribahasa-peribahasa dan juga simpulan bahasa. Semua ahli masyarakat tahu akan cerita-cerita ini. Hal ini demikian kerana, cerita jenaka Melayu mengandungi beberapa tingkat perkembangan termasuklah cerita-cerita tempatan yang menunjukkan sifat-sifat aslinya seperti cerita Pak Pandir, cerita Pak kaduk, cerita Lebai Malang, cerita Pak Belalang, cerita Si Luncai, dan cerita Mat Jenin. Ada juga cerita-cerita jenaka yang menunjukkan pengaruh daripada luar seperti cerita Musang Berjanggut, cerita Abu Nawas dan cerita Khoja Nasyaruddin.

Menurut Fatimah Md. Yassin (*Dialog Kesusasteraan*, 1990: 79-82) pula dalam kajiannya mendapati bahawa cerita jenaka merupakan hasil kreatif golongan rakyat desa (masyarakat tani) yang serdahana hidupnya. Bertujuan untuk menghibur dan juga untuk memberi nasihat dan pendidikan secara tidak formal kepada ahli-ahli masyarakatnya. Menerusi kajiannya ini, beliau telah mengklafikasikan cerita jenaka kepada dua bentuk iaitu cerita neratif dan bukan neratif. Selain membuat penelitian terhadap bentuk, beliau juga telah melihat unsur-unsur etika yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu. Menurutnya lagi isi cerita jenaka adalah mengenai hubungan di antara pihak pemerintah dan rakyat biasa yang bersifat kontra daripada cerita lipur lara. Selain itu, menerusi kajiannya ini juga didapati bahawa wujudnya konflik di antara hubungan raja dan rakyat secara terang-terangan atau sindiran kepada raja yang dikatakan sebagai orang yang mudah ditipu oleh rakyat ataupun raja yang mempunyai imej yang tidak begitu baik. Hal ini bertujuan untuk memperlihatkan kelemahan pihak pemerintah yang sengaja ditonjolkan untuk mengkritik golongan tersebut. Oleh itu, cerita jenaka Melayu merupakan cerita yang mencuit hati sehingga menyebabkan orang yang mendengarnya tertawa. Disamping itu juga cerita jenaka Melayu sering sahaja dikaitkan dengan perwatakan bodoh, sial dan pintar yang dimainkan oleh watak-watak seperti watak Pak Pandir, watak Lebai Malang, watak Pak Belalang, watak Si Luncai dan watak Pak Kaduk.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti watak dan perwatakan yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu tradisional seperti watak dan perwakan yang ringan tulang dan Pandai, watak dan perwatakan yang menurut perintah dan bijaksana, watak dan perwatakan yang berani dan cerdik, watak dan perwatakan yang mempertahankan hak dan bijaksana, watak dan perwatakan yang menepati janji dan cerdas, watak dan perwatakan yang berdikari dan pandai, watak yang jujur dan cerdas, serta watak yang tidak tamak dan cerdas. Oleh kerana itu, kajian ini dapat mengubah tanggapan masyarakat mengenai watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu yang negatif sifatnya kepada tanggapan yang lebih positif dan seterusnya menyanggah pandangan Winstedt yang telah menyatakan bahawa watak dan perwatakan utama dalam cerita jenaka Melayu seperti watak Pak Pandir, watak Pak Kaduk, watak Lebai Malang, watak Si Luncai dan watak Pak Belalang yang berperwatakan bodoh dan sial. Sehubungan dengan itu, perubahan watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu kepada nilai yang lebih positif ini mampu untuk mendidik masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak awal persekolahan, supaya generasi kini tidak lagi mewarisi pandangan negatif tersebut sehingga boleh memperkecilkan keperibadian masyarakat Melayu.

Maka, tiada lagi tanggapan yang menyatakan bahawa watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu bersifat lemah dan sering dipersendakan oleh orang yang berada di sekelilingnya. Maka, kajian ini akan menyedarkan masyarakat bahawa pandangan yang dikemukakan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md. Radzi, 2001:24) tidak menyeluruh dan menyebabkan watak dan perwatakan utama dalam cerita jenaka Melayu dipandang rendah bukan sahaja daripada masyarakat luar malahan masyarakat Melayu sendiri juga memandang negatif terhadap watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu. Seterusnya watak yang berperwatakan positif dalam

cerita Jenaka Melayu dapat memberi gambaran baharu dan pemahaman yang lebih kepada masyarakat terhadap kepercayaan dan keperibadian masyarakat Melayu yang kuat berpegang teguh kepada agama dan berbudi pekerti. Oleh itu, penemuan baharu menerusi kajian ini perlu disebarkan kepada masyarakat, supaya pengkaji dapat berkongsi ilmu yang diperolehi untuk diketahui umum seterusnya meningkatkan mutu penyelidikan akan datang supaya pelajar-pelajar dan penyelidik-penyelidik masa hadapan dapat melihat sejauh mana kebenaran yang ingin dibuktikan oleh pengkaji menerusi kajian ini.



## BIBLIOGRAFI

- Al-Quran dan Terjemahan. Saudi Arabia: Muja'mma' Al-Malik Fahd Li Thiba'at Al Mush Haf Asy-Arif Medinah Munawwarah P.O Box 6262, Kerajaan Saudi Arabia.
- A.Bakar Hamid, et al. *Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.
- Rahman Kaeh, "Latar Belakang Sastera Tradisional Melayu". *Jurnal Budaya Melayu*. 5 (1982): 15-19.
- A.Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd. *Tesaurus (Bahasa Melayu)*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd, 2002.
- Aboebakar Atjeh. *Akhlah dalam Islam (3rd ed)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Pres, 1988.
- Amida Abdul Hamid, Azran Rahman, dan Jihaty Abadi. *Sari Sejarah Kesusasteraan Melayu-Indonesia (Tradisi-Moden)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Annas Haji Abdullah. "Sastera Rakyat (Cerita-cerita Jenaka)." Dalam *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Petaling Jaya: Masa Enterprise, 1988.
- Ariffin Nur. "Kesusasteraan Rakyat." Dalam *Kesusasteraan Lama Melayu*. kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971.
- Aripin Said. "Cerita Jenaka: Memberi pengajaran, Menyindir, dan Memberi Hiburan Untuk Masyarakat." Dalam *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Dr. M. G. Emeis. "Iktisar Kesusasteraan Kuno". Dalam *Bunga Rampai Melayu Kuno*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.
- Frank G. Goble. *Mazhab Ketiga Psikologi Humanistik Abraham Maslow*. Yogyakarta: Kanisius, 1987.
- H. Ahmad Samin Siregar. "Kedudukan dan Fungsi Cerita Jenaka di Dalam Masyarakat Melayu". *Prosiding Seminar Kesusasteraan Antarabangsa IV*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 14-16 Ogos 1995.
- Haji Johari Haji Alias. *Membina Semangat Positif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997
- Haji Johari Haji Alias. Menepati Janji. Dalam *Membina Semangat Positif* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.



- Hamka. "Berani". Dalam *Falsafah Hidup*. Selangor: Pustaka Dini, 2009.
- Harun Mat Piah, et al. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Hashim Awang. *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan Sejarah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1984.
- Hashim Awang, et al. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Hashim Awang. "Mendekati Kesusasteraan Melayu." Dalam *Sastera Lisan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985.
- Hashim Bin Hj. Musa. *Falsafah, Logik, Teori, Nilai dan Etika Melayu* Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001.
- Hassan Ahmad. *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2007.
- Ismail Hamid. "Sastera Rakyat." Dalam *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman, 1987.
- Jas Laile Suzana Jaafer. "Teori-teori Perkembangan manusia." Dalam *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Balakong: Arah Publications, 2008.
- Johan Jaafar. "Perkenalkan Klasik Melayu Kepada Kanak-Kanak." *Dewan Sastera*. Mei 2003: 51-53.
- Kamus Dewan (Edisi keempat)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Liaw Yock Fang. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Erlangga, 1975.
- Mana Sikana. *Esei-esei Kesusasteraan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.
- Mohd. Taib Osman. "Meninjau Semula Cerita Rakyat Melayu." *Dewan Sastera*. Mei 2001: 77-8.
- \_\_\_\_\_. "Menyelami Sastera Warisan Dengan Permata Yang Mengilau." *Dewan Sastera*. Disembar 2005: 8-9.
- Mustafa Mohd Isa. *Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1999.
- Noriah Taslim. "Menterbalikan Peranan Gender Dalam Jenaka Pak Pandir." *Dewan Sastera*. April 2008: 90-91.
- Noriah Taslim. "Menghayati Sastera Melayu Tradisional Semaksimumnya." *Dewan Sastera*. November 2003: 13.
- Noriah Taslim. "Kesusasteraan Melayu Tradisional Dalam Teori Sastera Moden."

*Dewan Sastera*. Disember 2008: 25-26.

Othman Putih. *Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Rogayah A. Hamid, Ety Zalita Zakaria, Peny. Inti Sari Karya Klasik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Rukiah Binti Mohamad. *Asas-asas Pembinaan Insan*. Shah alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM, 2008.

Shaiful Bahri Md. Radzi. "Api Dalam Kaco Air Dalam Bosi: Jenaka Etnik Melayu." *Proseding Seminar Jenaka Melayu Nusantara*. 21-23 Ogos. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.

Shaiful Bahri Md. Radzi. "Malay Humorous Tales: Performance, Corpus Of Oral exts And Its Study." *Doctor of Philosophy*. London: University Of London, 2000.

Shaiful Bahri Md. Radzi. "Pengkajian cerita Jenaka: Satu Penilaian Krisis: Persuratan Melayu." Dalam *Dari Lontar Ke Layar*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Shamsuddin Ahmad. *Kamus Peribahasa (Melayu-Inggeris)*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2007.

Siti Hawa Haji Salleh. "Pendekatan Kesusasteraan Moden dan Pengkajian Kesusasteraan Melayu Tradisional." Dalam *Kelompok Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

Tan Hui San. *Cerita Pak Pandir – Riwayat Ah Q, Satu Pernilaian Sosiologi*. *Ijazah Sarjana Persuratan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Umar Junus. *Dongeng Tentang Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Wan Abdul Kadir wan Yusuf. "Tradisi Lisan daripada kaca Mata Budaya." Dalam *Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Yahya Ismail. *Bimbingan Sastera Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1975.

Zuber Usman. "Cerita-Cerita Lucu." Dalam *Kesusasteraan Lama Indonesia*. Djakarta: Gunung Agung, 1954.

## BIODATA PELAJAR

Nama Sebenar pelajar adalah Muhammad safuan Bin Ismail. Membesar secara serdahana sebagai anak peneroka Felda di Behrang Perak. Merupakan anak keenam daripada tujuh adik beradik. Memulakan pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Behrang, Slim River, Perak dari darjah 1 sehingga darjah 6 iaitu pada tahun 1995 sehingga tahun 2000. Kemudian memasuki peringkat menengah rendah dan peringkat menengah tinggi di sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari Tanjong Malim, Perak dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 6 iaitu pada tahun 2001 sehingga tahun 2007. Selepas menamatkan alam persekolahan, beliau Berjaya melayakan diri memasuki Universiti Awam Malaysia iaitu Universiti Putra Malaysia dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Menamatkan peringkat prasiswazah pada tahun 2011, kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dari tahun 2013 sehingga tahun 2015..